

Tabung Haji buka IFIC pertama

Khidmat sehenti kewangan Islam bersepadu memudahkan urusan orang ramai

Oleh Junita Mat Rasid
junita@bharian.com.my

LEMBAGA Tabung Haji membuka Pusat Khidmat Kewangan Islam (IFIC) pertama di negara ini yang menempatkan pelbagai agensi kewangan Islam di bawah satu bumbung.

Pusat di Menara Tabung Haji dekat Jalan Ayer Molek di Johor Bahru yang menyediakan perkhidmatan kaunter Tabung Haji, pelancongan, perlindungan takaful, perbankan serta pertukaran mata wang asing itu, dirasmikan oleh Sultan Johor Sultan Ibrahim Iskandar, semalam.

Turut hadir pada majlis itu Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Pengerusi Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor dan Pengarah Urusan Kumpulan merangkap

Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Paduka Ismee Ismail.

Perkhidmatan sehenti Islam itu didasarkan untuk memberikan kemudahan dan keselesaan kepada orang ramai terutama kira-kira 830,000 pendeposit Tabung Haji di Johor.

Menara Tabung Haji di Johor Bahru itu dipilih sebagai projek perintis bagi IFIC berikutan lokasinya yang strategik, ruang yang luas, tempat meletak kenderaan mencukupi serta hentian pengangkutan berdekatan bagi memudahkan orang ramai.

Jamil Khir dalam ucapannya pada majlis itu, berkata penubuhan IFIC itu adalah usaha Tabung Haji meningkatkan lagi mutu perkhidmatannya kepada pendepositenya yang kini mencapai lebih 6.8 juta, selain bertepatan usaha kerajaan menjadi pusat kewangan Islam antarabangsa.

Katanya, IFIC itu disertai beberapa agensi termasuk Tabung Haji, Bank Islam Malaysia Bhd (BIMB), Tabung Haji Travel and Services (THTS) dan Syarikat Takaful Malaysia Bhd, yang bergabung di bawah satu bumbung un-

tuk menawarkan urusan muamalat iaitu sistem kewangan Islam bersepadu.

“Selain menjadi pusat pengurusan kewangan dan pembiayaan Is-

lam, IFIC juga menyediakan perkhidmatan pertukaran mata wang, perlindungan takaful, pelancongan serta pakej umrah dan haji.

“Antara kelebihan IFIC ialah ia berkonsepkan perkhidmatan se-henti yang secara tidak langsung memberi kemudahan dan meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap sistem kewangan Islam, se-

lain menjadi pusat kewangan Islam yang kukuh melalui proses keseragaman pengurusan serta penerapan amalan kerjasama,” katanya.

Katanya, penubuhan IFIC itu juga dapat meningkatkan lagi imej Tabung Haji melalui pengurusan agensi dengan cemerlang seiring dengan kewangan Islam yang menjadi tunggak ekonomi umat Islam.

Beliau berharap Tabung Haji akan mewujudkan lebih banyak lagi IFIC di seluruh negara dengan mempelbagaikan perkhidmatan berunsur Islam dalam usaha me-

nyemarakan ekonomi Islam.

“*Penubuhan IFIC adalah usaha Tabung Haji meningkatkan lagi mutu perkhidmatannya kepada pendepositnya yang kini mencapai lebih 6.8 juta*”

Jamil Khir Baharom
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

© HAIRUL ANUAR ABD RAHIM | BERITA HARIAN



SULTAN Johor, Sultan Ibrahim diiringi Jamil (kiri) dan Ismee (kanan) melawat perasmian Pusat Khidmat Kewangan Islam di Menara Tabung Haji, Johor, semalam. Turut hadir, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail dan Abdul Ghani.